

Polis ambil kertas siasatan kes PFN

PUTRAJAYA: Pejabat Peguam Negara mengembalikan semula kertas siasatan berhubung Pusat Fidlot Nasional (PFN) kepada polis untuk siasatan lanjut.

Ketua Bahagian Pendakwaan di Pejabat Peguam Negara, Datuk Tun Abdul Majid Tun Hamzah, berkata kertas siasatan itu dikembalikan kepada polis bagi membolehkan beberapa aspek siasatan dilengkapkan, tetapi enggan mengulas lanjut.

“Pejabat Peguam Negara menerima kertas siasatan itu Selasa lalu,” katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Isnin lalu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Datuk Syed Ismail Syed Azizan, berkata polis sudah menyelesaikan siasatan berhubung kes itu dan kertas siasatan akan diserahkan kepada Peguam Negara untuk pertimbangan lanjut.